



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 Mei 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN catat rampasan lebih RM700,000 dari Januari hingga semalam



JUALAN RAHMAH: Aris (dua kiri) beramah mesra bersama pengunjung yang membeli ayam segar menerusi Program Jualan Rahmah MADANI pada Program Sambutan Hari Penguat Kuasa KPDN Ke-53 Peringkat Negeri Terengganu di pekarangan Muzium Negeri, Kuala Terengganu, semalam.

— Gambar Bernama

KUALA TERENGGANU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merekodkan rampasan berjumlah RM725,439.86 membabitkan 338 kes atas pelbagai kesalahan bagi tempoh 1 Jan hingga kelmarin.

Pengarahnya Mohd Mufsi Lat berkata perkara itu hasil pemeriksaan ke atas 9,738 premis termasuk kedai runcit, pasar raya kecil, pasar raya besar dan premis borong seluruh negeri.

Beliau berkata dalam tempoh itu juga, sebanyak RM122,400 kompaun telah dikenakan dengan nilai denda sekitar RM60,000.

"Sepanjang tempoh tiga tahun kebelakangan ini, hasil tindakan penguatkuasaan menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan.

"Pada 2024 nilai rampasan mencecah RM3.96 juta berbanding RM997,059.69 pada 2023 dan nilai denda juga mel-

onjak daripada RM6,000 pada 2023 kepada RM102,500 pada 2024. Ini memberi petunjuk bahawa penguatkuasaan kini lebih tertumpu dan berjaya menumpaskan kes penyelewengan bernilai tinggi," katanya pada Sambutan Hari Penguatkuasa KPDN Ke-53 Peringkat Negeri Terengganu di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDN Aris Mamat.

Mohd Mufsi berkata selain itu KPDN juga telah melakukan pemeriksaan ke atas 293 buah premis dalam Ops Tiris dan 186 premis melibatkan Ops Gasak dalam tempoh 1 Jan hingga kelmarin.

"Bagi Ops Tiris kita telah berjaya menghasilkan empat kes dengan nilai rampasan sebanyak RM431,437.60, manakala Op Gasak, tujuh kes direkodkan dengan nilai rampasan sekitar RM68,065.70," katanya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kuala Lumpur: Raffcomm Technologies Sdn Bhd (Rafftech), penyedia perkhidmatan digital rasmi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), melancarkan aplikasi mudah alih SSM e-Info 3.0 serta menyasarkan transaksi perniagaan sebanyak RM60 juta menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rafftech, Ahmad Shahril Ibrahim berkata, SSM e-Info terus mengukuhkan kedudukan sebagai gerbang utama akses data perniagaan di Malaysia dengan permintaan yang semakin meningkat daripada kalangan profesional, pelabur dan pengguna umum.

Katanya, portal e-Info yang dilancarkan sejak 2006 menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan hasil pendapatan mencecah RM36 juta tahun lalu, berbanding hanya RM200,000 pada 2008.

"Selama lebih 19 tahun, SSM e-Info menjadi pintu utama yang dipercayai oleh perniagaan dan orang awam untuk mencari, me-

Rafftech lancar aplikasi mudah alih SSM e-Info 3.0



PENGERUSI Eksekutif Raffcomm Technologies Sdn Bhd, Datuk Md Afendi Hamdan (tengah), Ahmad Shahril (kiri) dan Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof pada Pelancaran Program Ganjaran SSM e-Info dan Aplikasi Mudah Alih 3.0 SSM. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

ngakses dan membeli maklumat korporat syarikat serta perniagaan yang diperbadankan dan didaftarkan di Malaysia.

"Inisiatif ini mencerminkan

kan langkah strategik dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan digital untuk manfaat masyarakat dan komuniti perniagaan di Malaysia," katanya di majlis pelancaran aplikasi mudah alih SSM e-Info versi 3.0 di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Perniagaan Rafftech,

Rozaina Shafie berkata, platform SSM e-Info menyediakan akses dalam talian kepada pelbagai data korporat termasuk profil syarikat, profil perniagaan,

perbandingan kewangan, status pendaftaran dan pensijilan syarikat.

Menurutnya, kumpulan mencatatkan pertumbuhan yang stabil sejak portal dalam talian itu dilancarkan pada 2006.

"Pada 2008, kami memperoleh hasil pendapatan sebanyak RM200,000 dan tahun lalu, ia mencecah RM36 juta dan kami mencapai kemajuan yang ketara dalam tempoh 19 tahun ini.

"Aplikasi itu juga turut menawarkan fungsi carian maklumat asas syarikat secara percuma, manakala laporan terperinci boleh dibeli berdasarkan struktur harga yang diluluskan oleh SSM," katanya.

Aplikasi ini tersedia untuk dimuat turun di kedua-dua platform, Apple dan Google Play Store, menjadikannya sumber yang sangat diperlukan bagi mereka yang terbabit dalam aktiviti korporat dan perundangan di Malaysia.

No cure yet in GP fee fight

Following MyCC's warning that new charges may violate the Competition Act, a private medical group has defended clinics' fee-setting autonomy amid rising costs. Consumer groups insist any fee hikes must be fair and not burden patients. > **See reports on page 6 by CHARLES RAMENDRAN**

Private clinics get final say on fees

Stakeholders: Advisories meant to help GPs find ways to cover rising operational costs

By CHARLES RAMENDRAN
charles.ramen@thestar.com.my

PETALING JAYA: Although some doctors' groups have proposed new service charges in retaliation against the newly enforced rule for displaying drug prices, private clinics can exercise their own autonomy in deciding their fees, says a private practitioners' group.

The Federation of Private Medical Practitioners' Associations Malaysia insists that the proposals made by some of its state affiliates were made in "good faith", adding that they were meant to help GPs cover the rising operational costs.

Its president Dr Shanmuganathan Ganeson said while advisories were issued, it is not compulsory for clinics to fix prices accordingly, and clinics are able to exercise full autonomy in setting their charges.

He was responding to a Malaysia Competition Commission (MyCC) statement last Friday where the commission had cau-

"A shophouse in Mont Kiara will cost much more than (one) in Hulu Selangor. However, GP consultation fees have remained capped at RM35 for the past 30 years. Hence, GPs have no choice but to mark up medicine prices to manage their overhead costs."

Dr Roland Victor

tioned private medical practitioners against introducing new service-related charges, as it could infringe the Competition Act 2010.

Dr Shanmuganathan revealed that medical practitioners had a dialogue with MyCC in December last year, during which a proposal for a RM20 regulatory compliance charge was considered.

Consequently, he said these state affiliates were mindful of

not imposing fixed charges and opted to provide indicative ranges, but the move has since backfired.

"While the meeting with MyCC was constructive, the Competition Act now flags the decision to provide an indicative range as potentially problematic.

"At this point, we are compelled to ask: what are the government's real intentions toward private GP clinics?

"From where we stand, it appears the system is simply tolerating us until something more centralised and controlled is in place.

"Our profession is for patient care and the health of the rakyat," Dr Shanmuganathan said when contacted.

"We want a sustainable, transparent GP ecosystem that patients can continue to trust.

"If there is no future for general practitioners in Malaysia's health system, we ask for honesty.

"Let us begin to responsibly wind down our practices so that our staff, medical suppliers, and patients are not blindsided when community-based private primary care collapses," he added.

Dr Shanmuganathan said what was more disturbing was the regulatory imbalance where independent GP clinics are being scrutinised while corporate third-party administrators (TPAs) continue to suppress fees without equivalent oversight from the authorities.

GP Dr Roland Victor said it is

not feasible for the price of medicines prescribed by clinics to be regulated as operating expenses may vary based on location.

"A shophouse in Mont Kiara will cost much more than (one) in Hulu Selangor.

"However, GP consultation fees have remained capped at RM35 for the past 30 years.

"Hence, GPs have no choice but to mark up medicine prices to manage their overhead costs such as rental, staffing and other facilities to sustain their clinics," he said.

Dr Victor said he was not against the display of drug prices but GPs need to see consultation fees fairly revised for sustainability.

He agreed that TPAs contribute to the escalation of medical costs but they are not being monitored enough, nor are they regulated by the same laws imposed on GPs and clinics.

"These companies often dictate terms and conditions to GPs on how medical charges should be imposed," Dr Victor said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bil perubatan, kos majikan tinggi impak syor naik had usia bersara

**Pakar perubatan
saran pekerja
diberi kerja sesuai,
masa fleksibel
jika dilaksanakan**

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tanggungan majikan dalam tuntutan bil perubatan terus meningkat antara beberapa kesan utama jika cadangan menaikkan had umur persaraan kepada 65 tahun dilaksanakan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa

Ezat Wan Puteh, berkata ini disebabkan keperluan ergonomik mereka yang sudah berusia akan berbeza berbanding dengan golongan muda.

Bagaimanapun, katanya, jika mereka tidak dapat memenuhi keperluan kerja secara fizikal, mental dan kognitif, kerja yang sesuai, masa fleksibel dan gaji yang sesuai boleh dicadangkan.

"Memang terdapat kelebihan jika mereka yang sudah berusia 60 tahun masih bekerja, iaitu dari segi kemahiran, kenalan dan pengalaman luas dalam menjalankan kerja serta boleh memberi nasihat kepada organisasi.

"Namun, kesan lain ialah kos pembayaran gaji yang tinggi kerana mungkin sudah sampai had maksimum gaji dan syarikat perlu mengeluarkan kos besar untuk emolumen pekerja.

"Selain itu, organisasi ber-

kanaan juga tidak dapat mengambil ramai orang muda kerana bayaran gaji terpaksa diagihkan kepada mereka lebih berpengalaman, berbanding pekerja muda yang baru," katanya kepada *BH*, semalam.

Bellau berkata, kebanyakan warga emas juga tidak mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupan.

Bantu buat simpanan

Oleh itu, katanya, jika had umur persaraan kepada 65 tahun diteruskan, ini dapat membantu mereka memenuhi keperluan hidup dan meneruskan membuat simpanan.

Dr Sharifa Ezat berkata, ba-



Sharifa Ezat Wan Puteh

nyak negara sudah membincangkan mengenai had usia yang bersesuaian untuk persaraan.

Katanya, beberapa negara maju seperti Belgium, Bulgaria, Amerika Syarikat, Switzerland dan beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) sudah menetapkan usia 65 tahun untuk lelaki dan 63 tahun

untuk wanita bersara

"Had umur ini dinaikkan secara perlahan-lahan. Sebagai contoh di EU dicadangkan 67 tahun pada 2030 kerana menepati tahap kesediaan populasi, jangka masa hidup warga emas dan tahap kesihatan mereka.

"Di Indonesia tahap persaraan ialah 69 tahun, Singapura (63 tahun) dan United King-

dom (66 tahun).

"Jika Malaysia bercadang menaikkan had usia persaraan, akan ada kesannya tersendiri," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman dilaporkan berkata kerajaan wajar mempertimbang had usia persaraan di Malaysia dinaikkan daripada 60 kepada 65 tahun kerana ramai dalam kalangan mereka yang berusia 60 tahun ke atas masih aktif.

Bagaimanapun, lebih 15,000 pembaca Berita Harian Online menolak cadangan usia persaraan dilanjutkan kepada 65 tahun, berbanding 60 tahun ketika ini.

Lebih menarik, kebanyakan pembaca mencadangkan usia persaraan diturunkan kepada 55 tahun.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 MEI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-May	SHMMP: KPDN perkenal lima barangan baharu sempena Pesta Kaamatan, Hari Gawai	https:// www.sinarharian.com.my/ article/730116/berita/nasional/ shmmp-kpdn-perkenal-lima- barangan-baharu-sempena-pesta- kaamatan-hari-gawai	SINAR HARIAN
26-May	10 jenis barangan pada SHMMP Pesta Kaamatan 2025	https:// www.utusanborneo.com.my/ 2025/05/23/10-jenis- barangan-pada-shmmp- pesta-kaamatan-2025	UTUSAN BORNEO
26-May	Harga barang terkawal sempena Kaamatan dan Gawai – KPDN	https:// sabahme- dia.com/2025/05/23/harga- barang-terkawal-sempena- kaamatan-dan-gawai-kpdn/	SABAH MEDIA
26-May	Armizan nafi kerajaan hapus subsidi LPG	https:// www.sinarharian.com.my/ article/730113/berita/ nasional/armizan-nafi- kerajaan-hapus-subsidi-lpg	SINAR HARIAN
26-May	Armizan selar dakwaan isu pemansuhan subsidi gas LPG	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/05/1221965/ armizan-selar-dakwaan-isu- pemansuhan-subsidi-gas- lpg	HARIAN METRO
26-May	KPDN probes wholesaler for supplying LPG to unlicensed retailer	https://www.nst.com.my/ news/ nation/2025/05/1220283/ kpdn-probes-wholesaler- supplying-lpg-unlicensed-	NEW STRAITS TIMES
26-May	Local man held, 5,270kg of cooking oil seized in Semporna	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/259065/local-man- held-5-270kg-of-cooking-oil- seized-in-semporna/	DAILY EXPRESS
26-May	Kuwait Crown Prince arrives in KL for Asean-GCC, Asean-GCC-China summits	https://www.nst.com.my/ news/ nation/2025/05/1221347/ kuwait-crown-prince-arrives -kl-asean-gcc-asean-gcc- china-summits	NEW STRAITS TIMES

26-May	Putera Mahkota Kuwait tiba di KL sempena Sidang Kemuncak ASEAN	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2025/05/1400410/putera-mahkota-kuwait-tiba-di-kl-sempena-sidang-kemuncak-asean	BERITA HARIAN
26-May	Lelaki didakwa simpan hampir 4,000 liter diesel tanpa lesen sah	https://www.sinarharian.com.my/article/730520/berita/semasa/lelaki-didakwa-simpan-hampir-4000-liter-diesel-tanpa-lesen-sah	SINAR HARIAN
26-May	KPDN Terengganu kesan 338 kes kesalahan kepenggunaan, rampas RM725,000	https://www.kosmo.com.my/2025/05/25/kpdn-terengganu-kesan-338-kes-kesalahan-kepenggunaan-rampas-rm725000/	KOSMO
26-May	338 Kes Kepenggunaan dikesan di Terengganu, Rampasan Cecah RM725,000	https://refleks.my/338-kes-kepenggunaan-dikesan-di-terengganu-rampasan-cecah-rm725000/	REFLEKS
26-May	KPDN Terengganu Catat Rampasan Bernilai Lebih RM700,000 Sejak Januari	https://www.mynewshub.tv/2025/05/kpdn-terengganu-catat-rampasan-bernilai-lebih-rm700000-sejak-januari/	MYNEWSHUB
26-May	KPDN records seizure amounting more than RM700,000 in Terengganu from January until yesterday	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-records-seizure-amounting-more-than-rm700000-in-terengganu-from-january-until-yesterday - AH14130264#google_vignette	THE SUN